MBSB Bank Berhad
No. Pendaftaran: 200501033981 (716122-P)

# Lembaran Penjelasan Produk

## Pembiayaan Peribadi-i

Sila baca Lembaran Penjelasan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini. Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat.

Tarikh : ____________________

### 1 Produk apakah ini?

Produk ini adalah pembiayaan peribadi Islamik tanpa cagaran dan keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan berubah dan kiraan bulanan.

### 2 Apakah konsep Syariah yang digunapakai?

Product Pembiayaan Peribadi-i adalah berdasarkan konsep Tawarruq, di mana:

i. Melalui borang permohonan pembiayaan, pelanggan, akan menandatangani Permintaan Pembelian dan Akujanji Membeli komoditi (Wa`d) daripada Bank pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang termasuk harga kos komoditi dan margin keuntungan. Pada masa yang sama, pelanggan juga melantik Bank sebagai ejen (Wakalah) untuk menjual komoditi tersebut kepada pedagang komoditi pihak ketiga.

ii. Setelah permohonan diluluskan, Bank akan menawarkan kemudahan melalui sistem pesanan ringkas (SMS). Apabila pelanggan memberimaklum balas untuk menerima tawaran melalui SMS, Bank akan membeli komoditi (masa siaran tele-komunikasi) pada harga kos yang bersamaan dengan Harga Belian / Jumlah Pembiayaan.

iii. Apabila hak milik komoditi telah berpindah kepada Bank, Bank akan menjual komoditi itu kepada pelanggan pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar oleh pelanggan kepada Bank dengan cara ansuran atau berasaskan pembayaran tertunda. Pelanggan akan membeli komoditi yang sama pada Harga Jualan. Transaksi jualan Murabahah dilaksanakan melalui SMS.

iv. Apabila selesai item ii dan iii di atas, Bank, yang bertindak sebagai ejen pelanggan akan menjual komoditi tersebut kepada pedagang komoditi pihak ketiga pada harga kos komoditi yang bersamaan dengan Harga Belian. Hasil daripada jualan Komoditi akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan semasa pembayaran kemudahan itu.

### 3 Apa itu Kadar Asas (KA)?

Kadar Asas (KA) adalah kadar rujuk yang digunakan sebagai asas untuk menetapkan harga kemudahan pembiayaan runcit. KA ditentukan berdasarkan aras Kos Dana (COF) Bank ditambah kos Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia.

### 4 Apakah kebarangkalian keadaan yang menyebabkan perubahan Kadar Asas?

Kadar Asas (KA) kami boleh menaik ataupun menurun akibat dari perubahan kepada penanda Aras Kos Dana (COF) dan juga perubahan ke atas Keperluan Rizab Berkanun (SRR). Perubahan ke atas penanda Aras Kos Dana (COF) mungkin akan berlaku akibat perubahan ke atas Kadar Dasar Semalaman (OPR) seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Polisi Kewangan, Bank Negara Malaysia dan juga faktor-faktor lain seperti perubahan dalam kos dana yang digunakan untuk membiayai pembiayaan kadar terapung.

### 5 Rujukan penanda Aras Kos Dana (COF) untuk 3 tahun terdahulu

Sila rujuk www.mbsbbank.com (di bawah Kadar Asas / Kadar Pembiayaan Asas) untuk data sejarah terkini.

### 6 Apakah yang saya dapat dari produk ini?

- Jumlah Pembiayaan : ____________________
- Tempoh Pembiayaan : ____________________ tahun
- Kadar Keuntungan : KA __________ setahun
- Kadar Keuntungan Efektif : ____________________ setahun
- Kadar Keuntungan Siling : 15.00% setahun
- Jumlah Harga Jualan : ____________________

* KA pada masa ini: 2.65%

### 7 Apakah tanggungjawab kewangan saya?

- Bayaran ansuran bulanan seperti berikut

  ________ bulan pertama : ____________________ dan

  bulan terakhir : ____________________

- Jumlah Harga Jualan yang perlu dibayar adalah RM ____________________

- Sekiranya berkenaan, rebat akan diberi berdasarkan perbezaan diantara Kadar Keuntungan Efektif dan Kadar Keuntungan Siling dan selagi Kadar Keuntungan Efektif adalah lebih rendah daripada Kadar Keuntungan Siling.

Penting: Sekiranya berlaku perubahan dalam KA, bayaran ansuran bulanan anda mungkin berubah sewajarnya. Walau bagaimanapun, jumlah bayaran tidak seharusnya dilaksanakan Harga Penjualan

| Kadar | Semasa KA = | Jika KA naik 1% = | Jika KA naik 2% = |
|---|---|---|---|
| **Bayaran Bulanan** | RM | RM | RM |
| **Jumlah caj keuntungan pada akhir tempoh [] tahun** | RM | RM | RM |
| **Jumlah bayaran pada akhir tempoh [] tahun** | RM | RM | RM |

Nota:

i. Pihak Bank akan menyediakan butiran amaun ansuran bulanan yang disemak semula sekurang - kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh ansuran bulanan yang disemak semula itu berkuat kuasa.

ii. Kalkulator pembiayaan boleh didapati di laman web Bank untuk rujukan Pelanggan. Semua pengiraan adalah anggaran, berdasarkan kadar keuntungan indikatif.

## 8 Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Yuran Wakalah : RM 34.00
- Caruman Takaful : ____________
- Produk gabungan lain (jika ada)
  - Nama Produk : ____________
  - Jumlah : ____________

## 9 Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Semasa tempoh kemudahan: Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) akan dikenakan pada kadar 1% setahun ke atas jumlah tunggakkan atau sebahagian daripadanya atau apa-apa kaedah atau kadar lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank dari semasa ke semasa dan tidak dikompaunkan
- Selepas tempoh matang kemudahan: Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) akan dikenakan pada kadar yang tidak melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) ke atas baki tertunggak.
- Bank berhak untuk menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank terhadap sebarang baki di dalam akaun pembiayaan dan ini akan dimaklumkan kepada pelanggan.
- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan semua kos berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan. Tindakan undang-undang akan memberi kesan kepada penarafan kredit anda dan boleh menyebabkan permohonan kemudahan kewangan anda lebih sukar dimasa akan datang

## 10 Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Perlindungan Takaful Berkelompok Bertempoh (GCFT) adalah tidak diwajibkan. Tetapi ia sangat digalakkan untuk melindungi anda ke atas sebarang jumlah yang belum dibayar sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal. Polisi Takaful perlu diambil daripada panel syarikat takaful kami atau syarikat takaful pilihan anda yang diluluskan oleh Bank. Jumlah sumbangan akan ditolak daripada jumlah pembiayaan. Bank juga menawarkan produk Bancatakaful lain sebagai pilihan melalui pakej produk gabungan Permbiayaan Peribadi-i. Ia juga tertakluk kepada pembaharuan.

## 11 Jika ada lebihan bayaran semasa penyelesaian atau penutupan akaun, adakah saya akan mendapat bayaran balik?

Ya anda akan mendapat bayaran balik. Tetapi jika jumlah tersebut tidak melebihi RM5.00, persetujuan anda untuk menarik hak bayaran balik akan di ambil dalam borang permohonan dan membenarkan Bank mendermanya ke jabatan kebajikan yang diperakui Bank.

## 12 Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tarikh matang?

- Pihak Bank akan memberikan Ibra' (rebat) kepada pelanggan di mana terdapat:
  i. Penyelesaian awal atau penebusan awal Kemudahan tersebut; atau
  ii. Penyelesaian kontrak pembiayaan asal kerana penyusunan semula pembiayaan; atau
  iii. Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran; atau
  iv. Penyelesaian oleh Pelanggan sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

- Ibra' (rebat)dikira berdasarkan formula di bawah:

**Ibra' (rebat) semasa penyelesaian** = Untung Tertangguh - Caj Penyelesaian Awal (jika ada)

**Jumlah penyelesaian** = Baki Harga Jualan + Bayaran Ansuran Tertunggak + Pampasan bayaran lewat - Penyelarasan keatas Ibra' (rebat) disebabkan perubahan pada KKE(jika ada) - Ibra' semasa penyelesaian

## 13 Apakah risiko utama?

- Kadar keuntungan boleh ubah selaras dengan perubahan kadar rujukan (iaitu KA). Kenaikan kadar keuntungan boleh menyebabkan bayaran bulanan lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar keuntungan dihadkan kepada kadar keuntungan siling.
- Sekiranya anda menghadapi apa-apa kesukaran dalam melaksanakan tanggungjawab anda, sila hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan bayaran alternatif. Ini adalah untuk mengelakkan tindakan undang-undang jika anda tidak dapat membayar balik bayaran bulanan anda.

## 14 Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

## 15 Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada kami akan apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan untuk memastikan semua perhubungan sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila hubungi 03-2096 3000 (Pusat Khidmat Pelanggan) atau kunjungi cawangan kami terdekat untuk mengemaskini sebarang perubahan.

## 16 Di mana saya boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan?

| | |
|---|---|
| Jika anda menghadapi masalah dalam membuat bayaran, hubungi kami dengan segera untuk membincangkan bayaran alternatif. Anda boleh menghubungi kami di: | Secara alternatif, anda boleh meminta perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan dan kaunseling kredit bagi individu. Hubungi AKPK di: |
| Jabatan Kutipan & Pemulihan<br>Tingkat Bawah, Menara MBSB,<br>46, Jalan Dungun, Damansara Heights,<br>50490 Kuala Lumpur<br>No. Tel : 03-2082 8000<br>No. Faks : 03-2092 1035 | Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit<br>Tingkat 8, Maju Junction Mall,<br>1001, Jalan Sultan Ismail,<br>50250 Kuala Lumpur,<br>No. Tel : 1 800 88 2575<br>E-mel : enquiry@akpk.org.my |
| Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di: | Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselsaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: |
| Pusat Perhubungan Pelanggan<br>Tingkat 7, Wisma MBSB,<br>48 Jalan Dungun, Damansara Heights,<br>50250 Kuala Lumpur, ,<br>No. Tel : 03 - 2096 3000<br>E-mel : complaint@mbsbbank.com | Block D, Bank Negara Malaysia<br>Jalan Dato' Onn<br>50480 Kuala Lumpur,<br>No. Tel. : 1-300-88-5465<br>No. Faks : 03-22174 1515<br>E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my |

## 17 Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

- Untuk maklumat lanjut berkenaan Pembiayaan Peribadi-i, sila layari www.mbsbbank.com atau hubungi kami di:

| |
|---|
| Jabatan Jualan Pembiayaan Peribadi-i,<br>Bahagian Perniagaan Runcit,<br>Tingkat 7, Menara MBSB,<br>46, Jalan Dungun, Damansara Heights,<br>50490 Kuala Lumpur<br>No. Tel : 03-2082 8000<br>No. Faks : 03-2096 1063<br>Laman web : www.mbsbbank.com |

**NOTA PENTING :**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MENJELASKAN BAYARAN ANSURAN BULANAN PEMBIAYAAN PERIBADI-i ANDA**

Maklumat dalam Lembaran Penjelasan Produk ini sah pada : 15 Julai 2020